

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

MASALAH HAKISAN BERHAMPIRAN KAWASAN PERINDUSTRIAN HATA DI PANDAN MEWAH

Hakisan tebing Sungai Seputih ancam kawasan industri

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]



Kok Wee (kiri) meninjau tebing sungai yang runtuh.

➔ Pengusaha kilang khawatir kejadian tidak diingini jika masalah gagal diatasi secara kekal

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

▀ Ampang

Hakisan serius yang mengancam Sungai Seputih, berhampiran Kawasan Perindustrian HATA di Pandan Mewah, di sini mencetuskan kebimbangan pengusaha kilang yang beroperasi di lokasi berhampiran.

Apa tidaknya, ancaman yang dihadapi sejak lebih dua tahun lalu itu turut menyebabkan tebing sungai dan jalan di sepanjang kawasan yang terjejas runtuh.

Setiap kali hujan lebat, pekilang di kawasan perindustrian berhampiran sungai terbabit pasti resah kerana arus dari kawasan Hulu Langat, menyebabkan air sungai berkenaan melimpah.

Pengusaha kilang perabot, Sim

Kou Weu, berkata sudah empat kali hakisan tebing sungai berkenaan dikesan sepanjang 15 tahun beliau beroperasi di situ.

Struktur dibaiki pecah semula
"Setiap kali hakisan, tebing sungai yang terjejas akan dibaiki dan penghadang dibina, namun struktur itu tetap pecah," katanya.

Kou Weu berkata, hakisan juga menyebabkan sebahagian jalan yang digunakan untuk keluar masuk ke kawasan perindustrian berkenaan termasuk oleh kenderaan berat, rosak.

"Saya khawatir berlaku kejadian tidak diingini kerana jalan itu terletak berhampiran tebing sungai yang terhakis dan sebahagian laluan rosak teruk.

"Di bawah tanah ada saluran paip kumbahan. Kami khawatir hakisan semakin ke dalam dan boleh

Fakta nombor

160 KILANG

beroperasi di Kawasan Perindustrian HATA

4 KALI

hakisan tebing Sungai Seputih dikesan dalam tempoh 15 tahun

menyebabkan paip berkenaan pecah, sekali gus memerlukan kos lebih tinggi untuk baik pulih," katanya.

Pengerusi Persatuan Pengusaha dan Peniaga Kawasan Perindustrian HATA, Ee Ah Juan, berkata masalah itu banyak kali diadakan kepada pihak berkuasa tempatan, namun diarah merujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"JPS bersetuju membaik pulih tebing terjejas mengikut peruntukan yang diluluskan. Mereka membina tebing dengan konkrit bagi menahan air daripada terus menghakis," katanya.

Ah Juan berkata, kawasan perindustrian itu sebelum ini adalah bekas lombong ditambah dengan pasir yang menyebabkan hakisan mudah berlaku jika air sungai melimpah apabila banjir lebat.



Tebing sungai terhakis ditambak bagi mengelak hakisan lebih teruk.



Pihak berkuasa yang bertanggungjawab seharusnya bertindak pantas jika berlaku kejadian sedemikian. Jika gagal, hakisan akan menjejaskan perusahaan peniaga di kawasan berkenaan"

Leong Kok Wee,
Pengerusi Barisan Nasional
(BN) Parlimen Pandan

Cari penyelesaian kekal atasi masalah

Kuala Lumpur: Pihak berkuasa bertanggungjawab perlu mencari penyelesaian segera dan kekal bagi mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Seputih.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Parlimen Pandan, Datuk Leong Kok Wee juga berharap tindakan pantas diambil setiap kali ancaman hakisan dikesan bagi mengelakkannya bertambah teruk.

Perlu bertindak pantas

"Pihak berkuasa yang bertanggungjawab seharusnya bertindak pantas jika berlaku kejadian sedemikian. Jika gagal, hakisan akan

menjejaskan perusahaan peniaga di kawasan berkenaan.

"Kami juga berharap isu ini dapat diselesaikan dengan cepat supaya hakisan tidak bertambah teruk dan merisaukan pengusaha kilang berhampiran," katanya.

Katanya, kawasan perindustrian berhampiran tebing sungai yang terjejas itu menempatkan 160 kilang.

"Kita tidak mahu kejadian lebih buruk seperti kebocoran atau masalah pada sistem kumbahan bawah tanah di kawasan berkenaan yang mungkin menjejaskan pekilang terbabit," katanya.